



TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL dan Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bersama ketua-jabatan kerajaan baharu di Balai Menghadap Biru, Istana Arau, Perlis, kelmarin.

## Terap rasa bangga selesai masalah rakyat – Raja Perlis

Mn 123 18/2/2018/p5

Sosisi

**ARAU** 28 Feb. – Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bertitah supaya ketua-ketua jabatan atau agensi kerajaan negeri dan Persekutuan yang berkhidmat di sini supaya sentiasa menerapkan rasa bangga apabila berjaya membantu menyelesaikan masalah rakyat.

Baginda bertitah, setiap pegawai kerajaan haruslah merendah diri dengan bertemu rakyat dan berusahalah membantu mengatasi masalah mereka.

"Terapkan semangat dalam diri sendiri dan juga anggota sokongan untuk berasa bangga dan seronok setiap kali dapat membantu menyelesaikan sesuatu masalah rakyat yang

meminta tolong," titah baginda dalam Majlis Sembah Menghadap Memperkenalkan 13 Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Baharu yang berkhidmat di negeri ini dalam sesi pertama 2018 di Balai Menghadap Biru, Istana Arau, di sini semalam.

Berangkat sama Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Dr. Syed Omar Syarifuddin Syed Ihsan.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, ketua-ketua jabatan di negeri ini hendaklah memastikan supaya corak kerja dalam kalangan warganya ditingkatkan menerusi produktiviti dan

kadar efisien.

"Kita mestilah berdisiplin dan tidak melakukan sebarang aktiviti atau kepentingan peribadi dalam masa waktu pejabat selain mengamalkan sikap Keppimpinan Melalui Teladan.

"Jangan sekali-kali buat sebarang perangai yang tidak elok atau tidak senonoh kerana saiz negeri ini tidak besar dan dalam tempoh sejam dua jam berita tersebut sampai ke pengetahuan beta, apatah lagi kepada rakyat dan orang ramai."

"Sudah tentu ini akan memberi kesan jangka pendek dan panjang kepada kerjaya serta keluarga masing-masing," titah baginda.